

Keratan Akhbar bertarikh 1 Ogos 2016

Berita Harian

Selangor sedia tawan SUKMA Perak

➔ Program ‘Smart Selangor’ berjaya capai objektif lahir jagoan pelapis

Menepati ramalan, aksi di kolam renang terus membuat Selangor yang muncul juara keseluruhan Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak kali ini sekali gus mengecewakan tuan rumah untuk menyamai kejayaan 26 tahun lalu.

Daripada 59 emas yang diraih Selangor, 20 berjaya dituai menerusi kolam renang, diikuti menembak (6 emas) dan gimnastik artistik menghasilkan lima emas.

Peningkatan tuaian emas Selangor di kolam renang cukup ketara ketika hanya meraih 11 emas pada edisi dua tahun lalu di Perlis.

Paling terkesan pastinya Sarawak ketika bermula baik di awal saingan namun pengakhiran ini memaksa mereka menunggu lebih lama untuk mengulangi kejayaan juara keseluruhan di bumi sendiri, seperti dilakukan ketika menganjurkan SUKMA 1990.

Ketika tempoh persiapan hanya membabitkan 60 hari sebe-

lum bermulanya temasya, Selangor membuktikan yang mereka sentiasa menitik beratkan aspek penyediaan atlet terbaik, merangkumi pelbagai aspek termasuk soal psikologi.

Sepanjang persiapan, cetusan ‘Smart Selangor’ menjadi asas dan rahsia kejayaan buat kontingen itu yang pada awalnya sekadar mensasarkan 48 pingat emas.

Ada program pelapis

Ketua Kontinjen, Datuk Mohd Yassin Mohd Salleh berkata perkara utama yang ditekankan adalah memastikan atlet berada di kemuncak prestasi ketika sainan SUKMA berlangsung.

“Saya percaya kita lakukan program yang betul. Sebenarnya untuk SUKMA kali ini, dua bulan sebelum itu kita sudah adakan kem buat atlet. Tujuannya adalah memotivasi atlet supaya mencapai tahap prestasi sebenar pada temasya ini.

“Dalam tempoh itu, kita lakukan latihan tertentu termasuk pakar psikologi. Apa yang ditekankan kepada mereka adalah

untuk memastikan mereka berada di kemuncak prestasi ketika SUKMA.

“Apa yang kita panggil Smart Selangor ini, saya percaya program yang kita atur sudah berjaya. Tahniah kepada semua yang berada dalam kontinen ini,” katanya ketika ditemui semalam.

Walaupun turut menekankan aspek pendedahan atlet muda, tidak dapat tidak, Mohd Yassin cukup berterima kasih kepada sukan renang dalam merealisasi kan dominasi.

“Untuk sukan renang, disamping peranan atlet negara, kita juga ada program pelapis yang agak begitu baik. Kalau dilihat pada senarai, kita turut memiliki perenang berumur 13 tahun dan ini pendedahan baik buat mereka.

“Untuk edisi selepas ini, jika program diatur dengan baik, saya fikir kita boleh mengetuai pasukan lain dalam acara renang. Keseluruhannya, masih ada kekurangan dikenal pasti yang perlu dibaki,” katanya.

Perak bakal menjadi tuan rumah untuk edisi 2018.